

IQRAR'



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Perpustakaan
Tun Abdul Razak

اقل

BULETIN PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK



uitmlibrary



libraryuitm



libraryuitm



library.uitm.edu.my



m/s 9

Live@PTAR Bicara Khas Sempena
Festival Semarak KLWBC 2020
Peringkat Kebangsaan:
"Membaca Meningkatkan Nilai Diri"



m/s 10

Live@PTAR Bicara Pakar:
"Peranan Majlis Raja-Raja Dalam
Pentadbiran"



m/s 17

Jom Baca Bersama Untuk 10 Minit
Ptar Kampus Permatang Pauh,
Cawangan Pulau Pinang



m/s 14

Majlis Kemuncak Program Khidmat
Masyarakat: Misi IQRA PTAR UTM
Cawangan Pulau Pinang



m/s 20

World #QuranHour
2021/1442H Peringkat UTM
Cawangan Perak



Bersempena dengan sambutan Hari Buku dan Hak Cipta Sedunia, pihak PTAR Kampus Permatang Pauh telah menganjurkan program "Jom baca bersama untuk 10 minit" pada hari Khamis, 22 April 2021. Program ini dihadiri oleh para peserta yang terdiri daripada para pemenang "Peminjam Terbanyak bagi tahun 2020", wakil MPP dan JPK UiTM Cawangan Pulau Pinang serta staf akademik dan pentadbiran daripada pelbagai bahagian/fakulti.

Majlis diadakan bagi memupuk budaya membaca dalam kalangan rakyat Malaysia dan mendorong masyarakat membaca melalui langkah awal membaca selama 10 minit. Majlis dimulakan dengan ucapan alu-aluan daripada Timbalan Ketua Pustakawan PTAR UiTM CPP, Puan Hayati Mokhtaram yang seterusnya telah menyampaikan hadiah kepada para pemenang "Peminjam Terbanyak bagi tahun 2020".

Majlis diteruskan dengan tayangan video *Bicara Buku : Menerokai Rahsia STEM dalam Al-Quran* sebelum program "Jom Baca Bersama untuk 10 minit" dimulakan tepat jam 11.00 pagi.

PTAR UiTM CPP juga berasa berbesar hati kerana YBhg Prof. Ts. Dr. Salmiah Kasolang, Rektor UiTM Cawangan Pulau Pinang turut sudi menyertai program ini walaupun sedang mempengerusikan mesyuarat. Selain Profesor Rektor, beberapa orang pensyarah bersama pelajar masing-masing juga turut serta menjayakan program "Jom Baca Bersama untuk 10 minit" ini. Diharap program ini dapat memupuk minat membaca dalam kalangan warga UiTM khususnya dan masyarakat secara amnya.

